

## WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

Kakitangan tetap boleh menyimpan cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan untuk ditukarkan dengan wang tunai di akhir perkhidmatan mereka dengan jumlah maksimum GCR adalah 150 hari. Hanya pada tahun terakhir perkhidmatan, kakitangan boleh menyimpan semua cuti rehat yang layak untuk dirinya untuk GCR terhad maksimum mengikut kadar cuti setahun pegawai [**PP Bil. 18/2008**].

Cuti rehat tahunan yang boleh disimpan oleh kakitangan tetap hanya berjumlah 15 hari (maksimum) atau separuh (1/2) daripada kelayakan cuti tahunan pada tahun semasa mengikut mana yang rendah.

Manakala kakitangan kontrak boleh menyimpan cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan sebanyak 8 hari (maksimum) atau ¼ daripada kelayakan cuti tahunan mengikut mana yang rendah [**SPP Bil. 17/2008**].

Bagi yang pernah berkhidmat dengan agensi Kerajaan sebelum berkhidmat di Universiti ini akan terputus GCR yang dikumpul kecuali kakitangan yang ditukar lantik atau dipinjamkan. Bagi kakitangan kontrak pula, maksimum cuti rehat yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai bagi sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai secara kontrak dengan Kerajaan adalah sebanyak 75 hari. Tempoh perkhidmatan tersebut boleh terdiri daripada tempoh kontrak-kontrak yang berterusan atau yang terputus-putus.

Pembayaran GCR adalah mengambil kira gaji pokok terakhir, Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)/Imbuhan Tetap Keraian (ITK), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas (ITJGK) dengan formula seperti berikut:

$$\frac{1}{30} \times (\text{Gaji Pokok} + \text{Imbuhan Tetap}) \times \text{Bil. Hari GCR}$$